

9 MAR 1996

Mahathir-Vietnam

KERJASAMA MALAYSIA-VIETNAM UNTUK RAIH HASIL SUMBER SERANTAU

Oleh: Zainoor Sulaiman

BANDAR RAYA HO CHI MINH, 9 Mac (Bernama) -- Perbezaan tahap pembangunan antara Malaysia dan Vietnam tidak akan menjadi penghalang kepada usaha untuk saling membantu dalam bidang perdagangan dan pelaburan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber di rantau Asean yang mempunyai 400 juta pengguna, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

"Sebagai anggota Asean, Malaysia sememangnya komited untuk berkongsi pengalamannya dengan Vietnam," kata Perdana Menteri pada majlis makan tengah hari bersama sektor perniagaan di sini sebaik saja beliau tiba dari Danang, pada hari terakhir lawatan tiga harinya ke Vietnam.

Dr Mahathir berkata peningkatan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Asia Timur adalah memerangsangkan yang menuju ke arah penyatuan pasaran.

"Pembentukan AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) adalah pengesahan kepada proses penyatuan ekonomi berdasarkan pasaran bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Asia Tenggara," katanya.

Dengan berpendapat bahawa Asia Timur akan menjadi rantau dominan daripada segi ekonomi, politik dan kebudayaan menjelang tahun 2000, Dr Mahathir berkata Vietnam dan Malaysia yang menjadi sebahagian daripada rantau dinamik ini perlu bekerjasama bagi menjamin bahawa kedua-dua negara tidak terlepas daripada menikmati kemakmuran ini.

"Kaedah baru untuk meluaskan kerjasama ekonomi dua hala perlu diterokai agar pertumbuhan rantau ini dapat dikongsi," katanya.

Malaysia memberi keutamaan terhadap usaha menjalin kerjasama perdagangan dan ekonomi dengan negara-negara Selatan, dan sejajar dengan ini kerajaan menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur dan menyumbang kepada pembangunan negara-negara Selatan termasuk Vietnam.

"Oleh itu, kita di negara-negara Selatan ini perlu menjalankan lebih banyak perniagaan sesama kita," kata Dr Mahathir.

Katanya peningkatan yang cepat dalam hubungan perdagangan antara Malaysia dan Vietnam adalah bukti mengenai kewujudan usaha saling membantu di antara kedua-dua negara.

Nilai perdagangan antara Vietnam dan Malaysia bertambah daripada US\$55 juta pada 1990 menjadi US\$272 juta pada 1994 dan dijangka melebihi US\$350 juta untuk 1995.

Beliau menyeru masyarakat perniagaan Vietnam dan Malaysia bekerjasama untuk meningkat serta mempelbagaikan produk yang diperdagangkan antara kedua-dua negara.

Mengikut AFTA, Vietnam menawarkan satu pakej 1,638 produk untuk pengurangan tarif. Barangan-barangan ini termasuk jentera, peralatan mekanikal, kertas, bahan kimia, plastik dan keluli.

"Pengurangan tarif untuk barangan-barangan ini akan memudahkan lagi perniagaan dan penubuhan usaha sama antara Vietnam dan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berharap ahli-ahli perniagaan Malaysia di sini akan berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka dengan ahli-ahli perniagaan Vietnam selain bersifat bertanggungjawab serta menjalin hubungan perniagaan yang berkekalan untuk kepentingan bersama.

Beliau yakin Vietnam sebagai sebuah negara sedang menonjol sebagai satu pasaran dengan tahap culik huruf yang tinggi selain mempunyai banyak sumber asli, akan menyertai rakan-rakan Aseannya yang sedang mencipta nama sebagai negara perindustrian.

Dalam sesi dialog kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia berminat untuk

menjalin usaha sama dengan Vietnam untuk menghasilkan produk berasaskan pertanian.

Katanya oleh kerana semakin banyak tanah pertanian di Malaysia digunakan untuk tujuan industri, ia terpaksa mengadakan usaha sama dengan negara-negara jiran dalam industri berasaskan pertanian.

Dasar kerajaan Malaysia ialah untuk mengeluarkan 65 peratus daripada keperluan berasnya agar ia dapat mengimport selebihnya untuk menggalakkan perdagangan dua hala.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata Malaysia membeli beras pada harga mengikut gred dan mutunya.

Selepas itu, Dr Mahathir bersama pegawai-pegawai Vietnam menyaksikan majlis menandatangani enam memorandum persefahaman antara syarikat-syarikat Malaysia dan Vietnam yang meliputi usaha sama dalam pelbagai bidang.

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan sebuah syarikat Malaysia, Super Enterprise Berhad, menandatangani perjanjian dengan Jabatan Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Wilayah Tiang untuk menanam dan mengilang padi.

Proton dan Vina Stars Motor Corporation menandatangani perjanjian bagi membolehkan syarikat Vietnam itu menggunakan kepakaran Proton untuk mengimport, memasang dan mengedar barangan Proton di Vietnam.

Southern Steel Berhad pula menandatangani perjanjian dengan Hongloan Co dan sebuah syarikat dari Singapura Itochu Steel Asia Pte Ltd untuk menubuhkan satu kilang paip besi di Vietnam.

Teik Tat Holding Co menandatangani perjanjian dengan Jawatankuasa Pelaburan dan Kerjasama Tay Nonh untuk menubuhkan satu kilang mengeluarkan tali, jaring dan barangan daripada getah manakala Telewire & Cable Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Lisado Electric & Electronics Co dari Vietnam untuk menubuhkan satu kilang wayar tembaga.

Sebuah lagi syarikat Malaysia, Teletron Holding Sdn Bhd menandatangani dengan Danang Territorial Import and Export Company untuk menubuhkan sebuah syarikat pengangkutan awam di Vietnam. -- BERNAMA

ZS MAI